



# KOPI PAHIT

Bandar Montreal Amerika, seorang lelaki dikatakan memberitahu mahkamah bahawa dua orang wanita yang merompaknya telah memaksanya pula berbogel. Tidak disebut dalam berita itu kenapa wanita-wanita perompak itu suruh ia berbogel. Takut lelaki itu menyembunyikan pistolkah?

\* \* \*

Profesor Zulkifli Muhammad telah menafikan dengan sekeras-kerasnya akan tuduhan bahawa pemimpin-pemimpin PAS ada berhubung dengan *Communist* Indonesia. Beliau sendiri mengakui bahawa beliau tidak kenal langsung orang-orang *Communist* Indonesia itu. Betul ustaz tetapi yang lain-lain yang berasal dari badan politik M.N. P.? Ustaz harus masa itu di Mesir barangkali tidak tahu sejarahnya.

\* \* \*

Ustaz Hassan Adli yang dahulunya digelar “Panglima Jihad” tatkala membela Azhari dan membenarkan langkah Indonesia lalu menuduh kerajaan membantu orang-orang pemberontak Indonesia yang berlindung di Malaya sekarang digelar orang “Panglima Indonesia”. Gelaran itu mungkin tepat kerana harus pula sebelumnya memberi ucapan di Parlimen itu beliau lebih dahulu berjumpa dengan Jabatan Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur untuk “mencari bahan”.

\* \* \*

Angkatan udara Indonesia sedang menyiapkan padang-padang terbang tenteranya di seluruh Kalimantan Barat sebagai tanda pertahanan sesudah terjadi peristiwa Brunei. Mengadakan padang-padang terbang di Kalimantan Barat banyak-banyak bolehlah

difahami sebagai langkah pertama Indonesia untuk “menakluk Malaya” dan Malaysianya. Pendapat ini tentunya didasarkan di atas gerak langkah Sukarno hendak menguasai Asia Kalau tidak percaya lihat apa akan jadi nanti!

\* \* \*

Angkatan Laut Indonesia mengakui bahawa mereka selalu memasuki perairan Malaya kerana mengejar perahu-perahu atau bot-bot yang melarikan barang. Yang demikian terjadi, katanya, kerana di sana tidak ada tanda-tanda. Kalau begitu apakah mau Angkatan Laut Indonesia mau dicacak tiang di laut sebagai tanda sempadan?

\* \* \*

Tun Abdul Razak Timbalan Perdana Menteri Persekutuan menyatakan, bahawa beliau tidak takut mendengar Indonesia menguatkan tenteranya selagi ia tidak menyerang Malaya. Orang yang mendengar kata ini ada pula berkata: “Orang tak takut kepada harimau selagi harimau tidak menerkamnya.”

\* \* \*

Roeslan Abdulgani, Menteri Penerangan Indonesia, salah seorang pro-*Communist* bilang Malaya masih mempunyai “mak saudara” – Queen Elizabeth. Hai bung! Orang Malaya juga kan tahu bahawa kerajaan Indonesia sekarang ada punya “bapa-bapa tiri” – “Khrushchev dan Mao Tse Tung” – dan mamaknya “Kennedy”. Bukankah orang-orang ini yang kasi makanan dan senjata sama Indonesia?

\* \* \*

Roeslan Abdulgani memberi istilah “ekonomi makan malam” ialah rakyat makan malam sekali sahaja kerana menjimatkan tukaran wang dengan luar negeri untuk membeli beras. Apakah ini kemahuan rakyat? Orang Malaya tahu bung! Rakyat dilaparkan tetapi pemimpinnya berfoya-foya keluar negeri habiskan wang rakyat! Begitulah Indonesia!

– Cemeti al-Farouk-